

# Musa: Tiada orang yang papa di negara ini

Oleh FARUSH KHAN

**ALUR SETAR, Khamis** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata, tidak ada orang yang benar-benar miskin di negara ini, kecuali di kampung-kampung yang terpencil.

Katanya, dalam lain perkataan, taraf hidup masyarakat di negara ini telah meningkat.

Ketika berucap merasmikan Konvensyen Umno Kedua di sini hari ini, Datuk Musa berkata, hakikat ini terkandung dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat yang sedang dibuat sekarang.

Katanya, apa yang wujud sekarang sebenarnya hanyalah jurang perbezaan antara go-

longan berada dan yang berpendapatan rendah.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir, beliau sendiri dan Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah serta beberapa menteri lain sedang mengkaji dengan teliti Rancangan Malaysia Keempat.

Kita sedang meneliti untuk memastikan kejayaan yang telah dicapai dan kebuntuan yang timbul sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan dalam tahun 1970.

## Perbezaan

"Kita telah mendapat kepastian bahawa tidak ada orang yang benar-benar miskin di negara ini," kata Datuk Musa selaku Timbalan Presiden Umno.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengemukakan laporan kajian separuh penggal RME dalam sidang Parlimen bulan Mac tahun depan.

Menurutnya, kecuali di dua tiga kawasan yang tertentu dan terpencil, taraf hidup dan kese-

lesaan masyarakat telah dapat ditingkatkan.

Katanya, apa yang menjadi masalah ialah sungguhpun kepapan tidak wujud, jurang perbezaan kemewahan antara yang berada dan yang kurang berada masih jauh.

Datuk Musa menerangkan, ramal rakyat di negara ini ialah golongan yang berpendapatan rendah walaupun keselesaan hidup mereka telah bertambah baik.

Katanya, dalam kajian separuh penggal RME yang dibuat itu, kerajaan juga telah dapat memastikan asas-asas di mana membuat sesuatu kesimpulan sudah bertukar. Ini bermakna kesimpulan juga secara automatik akan bertukar.

"Perkara ini sedang dikaji dengan rapi oleh pucuk pimpinan dan insya-Allah ia akan dibentangkan oleh Perdana Menteri pada bulan Mac 1984," katanya.

Datuk Musa berkata, apa yang menjadi masalah di negara ini ialah hakikat bahawa ada anasir-anasir yang cuba memecah-belahkan rakyat dan menimbulkan huru-hara.

Timbalan Perdana Menteri itu juga mengingatkan orang-orang Melayu sama ada DEB dapat dicapai atau tidak bergantung kepada sikap mereka sendiri.

Walaupun, di masa ini orang-orang Melayu telah bertukar sikap dan menjadi masyarakat yang mahukan pembangunan tetapi itu, katanya, masih tidak cukup.

"Jika negara ini mempunyai semun orang Melayu kita boleh menganggap pencapaian kita sudah 100 peratus berjaya.

"Tetapi disebabkan kita hidup dalam masyarakat majmuk dan tidak boleh tidak dari membuat bandingan dengan orang-orang lain maka apa yang telah dicapai setakat ini masih tidak cukup," katanya.

Datuk Musa menyeru orang-orang Melayu supaya lebih maju, iktim, berdisiplin dan bersungguh-sungguh dalam usaha mencapai kejayaan sebenarnya.

Menurutnya, usaha kerajaan adalah terhad dan dalam kemelesetan ekonomi dunia sekarang tanggungjawab kerajaan menjadi semakin berat.

Beliau menggariskan orang-orang Melayu sekarang sebagai telah masuk ke dalam roket yang sudah diletakkan di atas landasan untuk dilancarkan ke angkasa. Cuma roket mereka belum ber jentera, sedangkan orang-orang lain telah melancarkannya dan akan melancarkan sekali lagi.

"Oleh itu, untuk mencaip hasrat kita, jurutera-jurutera di kalangan orang Melayu sendiri hendaklah bekerja kuat siang dan malam untuk membetulkan roket itu supaya ia lebih laju," katanya.

Datuk Musa menyeru setiap anggota Umno di negara ini supaya mempelopori proses penukaran sikap orang-orang Melayu keseluruhannya supaya dapat bergerak aktif bagi mencapai DEB.

Beliau juga mengingatkan perlunya mereka mengekalkan perjuangan Umno supaya ia memberi makna kepada orang-orang Melayu dan membawa kebanggaan kepada masyarakat di negara ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia